



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 12/2000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBAYARAN BONUS

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa dasar pembayaran bonus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah diubah dan akan dibuat berdasarkan laporan penilaian prestasi keseluruhannya selaras dengan yang tercatat dalam borang penilaian prestasi pegawai dan kakitangan. Bersama Surat Keliling ini juga dilampirkan tafsiran pembayaran bonus.

2. Kadar pembayaran yang ditetapkan dalam perenggan 6.5 pada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 14/1984 bertarikh 4 Julai 1984 tidak berubah iaitu:

Bahagian I	-	½ bulan gaji pokok
Bahagian II	-	1 bulan gaji pokok
Bahagian III, IV dan V	-	1½ bulan gaji pokok
Open-Vote	-	1½ bulan gaji pokok
Gaji hari	-	1½ bulan gaji pokok (berdasarkan 26 hari sebulan)

3. Tujuan pengemaskinian terhadap dasar pembayaran bonus berdasarkan penilaian prestasi ini adalah :

- i) untuk menjadikan dasar pembayaran bonus Perkhidmatan Awam mendorong ke arah peningkatan prestasi dan produktiviti Perkhidmatan Awam;
- ii) untuk mengubah minda pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk tidak mengambil sikap endah tak endah 'taking things for granted' dengan tanggapan bahawa pemberian bonus adalah automatik dan bukannya bersandarkan prestasi kerja;
- iii) untuk memberikan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mempunyai



p prestasi kerja cemerlang menerusi perbezaan kadar bonus yang diterima;

d m

- iv) untuk mewujudkan dan menggalakkan suasana daya saing yang sihat di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan.

4. Bonus akan dibayar kepada pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Bahagian I dan ke bawah, iaitu mereka yang dalam perkhidmatan tetap, berkotak, sebulan ke sebulan, open-vote dan bergaji hari.

5. Dasar Pembayaran Bonus Berasaskan Penilaian Prestasi dilaksanakan secara menyeluruh bagi semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk pasukan-pasukan beruniform seperti Jabatan Penjara dan Jabatan Perkhidmatan Bomba dan seumpamanya kecuali Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang mana mempunyai peraturan dan tatacara sendiri.

6. KADAR BONUS

Batir-butir kadar bonus bersandarkan kepada Dasar Pembayaran Bonus Berasaskan Penilaian Prestasi ini seperti berikut:

CATEGORI	TAHAP PENILAIAN	KADAR BONUS
A	- Cemerlang	- 100%
B	- Sangat Baik	- 85%
C	- Baik	- 75%
D	- Memuaskan	- 50%
E	- Memerlukan Pembaikan	- 25%
F	- Tidak Memuaskan	- 0% (Tidak ada bonus)

7. Bonus tidak akan diberi kepada pegawai dan kakitangan yang dikenakan tindakan-tindakan tatatertib berikut:

- a) Tindakan tatatertib mengikut peruntukan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuhan dan Tatatertib), 1961 yang ditetapkan dan disampaikan oleh Pengguna Tatatertib melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam tahun yang berkenaan.



- b) Pegawai dan kakitangan yang telah didapati bersalah di Mahkamah-Mahkamah (Sivil dan Syariah) dalam kes apa jua pun dalam tahun yang berkenaan.
 - c) Surat secara bertulis yang diberikan buat kali ketiga oleh Ketua Jabatan mengikut kehendak Bab 53 penggal B dari Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), 1961.
8. Pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan (secara penuh, cuti belajar atau cuti tidak bergaji) tidak berhak menerima bonus.

9. TARikh PERLAKSANAAN

Surat keliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2001 berdasarkan Laporan Penilaian Prestasi bagi tahun 2001. Surat-surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 24/1988 bertarikh 27 Julai 1988 dan bilangan 7/1992 bertarikh 22 April 1992 adalah dengan ini dibatalkan. Penyelarasam-penyalarasam tidak akan dilakukan kepada bonus pegawai-pegawai atau kakitangan dalam perkhidmatan berkontrak, sebulan ke sebulan, open-vote atau bergaji hari yang perkhidmatan mereka telah tamat sebelum tarikh Surat Keliling ini dikeluarkan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.


A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dato' Paduka Haji Hazair Haji Abdullah'.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH]

Seliausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Jurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : [12 JJPM/SK/2000
Tarikh : 19 Rajab 1421
17 Oktober 2000



TAFSIRAN

PEMBAYARAN BONUS

Dasar pembayaran bonus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah diubah dan akan dibuat borasan penilaian prestasi.

Maksud perkataan-perkataan di dalam Surat Keliling ini adalah seperti berikut:

1. Kadar pembayaran yang ditetapkan dalam perenggan 6.5 pada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 14/1984 bertarikh 4 Julai 1984 tiak berubah:

Bahagian I	-	½ bulan gaji pokok
Bahagian II	-	1 bulan gaji pokok
Bahagian III, IV dan V	-	1½ bulan gaji pokok
Open-Vote	-	1½ bulan gaji pokok
Gaji hari	-	1½ bulan gaji pokok (berdasarkan 26 hari sebulan)

2. Bonus akan dibayar kepada pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Bahagian I dan kebawah, ictu mereka yang dalam perkhidmatan tetap, kerkontrak, sebulan ke sebulan, open-vote dan bergaji hari.
3. Dasar Pembayaran Bonus Berasaskan Penilaian-Prestasi dilaksanakan secara menyeluruh bagi semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk pasukan-pasukan keruniform seperti Jabatan Penjara, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan seumpamanya kecuali Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang mana mempunyai peraturan dan tatacara sendiri.
4. Pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan (secara penuh, cuti belajar atau cuti tidak bergaji) tidak berhak menerima bonus.
5. Ketua Jabatan adalah termasuk Setiausaha Tetap bagi Kementerian.